

Majikan digesa daftar, bayar caruman

Perkeso beri tempoh sehingga 30 Jun bagi elak sebarang tindakan kompaun

Oleh MOHAMAD AMREEL
IMAN ABD MALEK
SHAH ALAM

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menggesa majikan supaya memanfaatkan bulan pemutihan bagi Mei dan Jun tahun ini untuk mendaftar dan membayar caruman kepada pihaknya.

Menurut Perkeso, ia penting bagi menjamin perlindungan dan keselamatan pekerja sama ada tempatan atau asing.

Ujarnya, tiada sebarang tindakan undang-undang dikenakan sekiranya terdapat ke-



Kegagalan majikan mendaftarkan perusahaan dan pekerja boleh dikenakan tindakan kompaun sehingga RM5,000.

lewatan dalam tempoh pemutihan berkenaan.

"Selepas berakhirnya tempoh pemutihan, Perkeso akan melancarkan Ops Kesan bermula 1 Julai untuk menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial

Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) ke atas majikan dan pekerja di negara ini.

"Ops Kesan kali ke-14 ini bagi memastikan semua majikan yang menggajikan sekurang-

kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira jumlah gaji) mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka sebagaimana peruntukan Seksyen 4 dan 5, Akta 4 serta Seksyen 14 dan 16, Akta 800," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Perkeso juga menegaskan, kegagalan majikan mendaftarkan perusahaan dan pekerja boleh dikenakan tindakan kompaun sehingga RM5,000.

Majikan yang gagal membayar kompaun pula bakal berhadapan tindakan pendakwaan di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dijatuhi hukuman denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Selain itu, majikan yang lewat mendaftar dan mencarum juga akan dikenakan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) pada kadar enam peratus setahun di atas setiap hari caruman lewat dibayar.

"Sekiranya majikan masih gagal berbuat demikian dalam tempoh pemutihan yang akan berakhir pada 30 Jun ini, Perkeso tidak akan berkompromi dengan ketidakpatuhan majikan dan tidak akan mempertimbangkan apa-apa pengecualian daripada tindakan penguatkuasaan terhadap majikan terbabit.

"Justeru, dengan tempoh yang masih berbaki kurang dari sebulan ini, Perkeso menyeru semua majikan yang layak tetapi masih belum mendaftar dan mencarum supaya segera berbuat demikian secara sukarela, sama ada menerusi Portal ASSIST atau hadir ke mana-mana 54 pejabat Perkeso di seluruh negara agar tidak dikenakan tindakan," tambahnya.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, kunjungi laman sesawang rasmi Perkeso www.perkeso.gov.my atau hubungi Careline Perkeso 1-300-22-8000 atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

TARIKH: 7/6/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 9